

# KATA ADVERBA ATAU KATA SIFAT?<sup>1</sup>

*Norliza Hj. Jamaluddin*

*[norlizajamal@yahoo.com](mailto:norlizajamal@yahoo.com)*

Fakulti Bahasa

Universiti Pendidikan Sultan Idris

## **Abstrak**

Makalah ini bertujuan menjelaskan kata sifat (kata adjektif) bahasa Melayu yang berfungsi sebagai penerang kata kerja. Berdasarkan teori golongan kata, khususnya bahasa Inggeris, kata yang menerangkan kata kerja ialah kata adverba, iaitu adverba cara. Hal yang sama berlaku terhadap golongan kata bahasa Melayu, iaitu tanggapan bahawa kata sifat yang menjadi unsur pengisi bagi gatra selepas gatra kerja ialah kata adverba atau kata keterangan dan bukan kata sifat. Walau bagaimanapun, dalam kajian ini, golongan kata yang dimuatkan dalam gatra penerang kata kerja dianggap sebagai kata sifat dan bukan kata adverba. Terdapat empat sebab mengapa kata sifat ini tidak dianggap sebagai kata adverba, pertama, tiadanya perubahan dalam morfologi; kedua, kata sifat masih mengekalkan posisi yang sama, iaitu dalam posisi penerang; ketiga, wujudnya perbezaan antara gatra dan unsur pengisi, manakala yang terakhir golongan kata bagi sesuatu bahasa tidak boleh diterjemahkan, melainkan perkataan sahaja. Berdasarkan keempat-empat ciri ini, maka tidak semua kata sifat dianggap sebagai kata adverba, melainkan mengekalkan golongannya sebagai kata sifat. Bagi menghuraikan aspek ini, teknik gatra dan unsur pengisi digunakan. Data yang menjadi bahan kajian terdiri daripada lima buah buku biografi wanita (kira-kira 150 000 patah perkataan) yang telah dimuatkan ke dalam Word Smith 4 bagi memudahkan analisis terhadap perlakuan kata sifat.

Kata kunci: gatra, unsur pengisi, kata sifat, adverba dan sesaran sintaktik

**Abstract**

*This article aims to clarify the nature of Malay kata sifat (adjectives) that serve as the modifiers of verbs. In English, a word that describes a verbs is an adverb, which is similar in the Malay language. However, in this study some words in the verb modifier slots remain as adjectives and not adverbs. There are four reasons why these are adjectives and not adverbs—there is no change in the morphology; the adjectives maintain the same position, which is that of modifier; there is a difference between the slot and filler elements; lastly, that only words and not word classes can be translated. Based on these four characteristics, it can be concluded that not all adjectives can be treated as adverbs. To describe this, the slot and filler technique is used. Data were collected from five women's biographies (about 150 000 words). These words were uploaded into the Word Smith 4 programme to facilitate the analysis of the behavior of adjectives.*

*Keywords: slot, filler, adjectives, adverbs, syntactic drift*

**PENDAHULUAN**

Penggunaan data korpus berkomputer dalam penyelidikan tatabahasa bahasa Melayu semakin berkembang selari dengan perkembangan dalam bidang teknologi pengkomputeran. Disebabkan kajian linguistik merupakan kajian yang saintifik sifatnya, maka penggunaan data korpus berkomputer amat membantu peneliti bahasa dalam menghuraikan aspek bahasa. Aspek ini dapat dijelaskan dengan terperinci, dapat diuji berulang kali dan akhirnya kesimpulan terhadap rumus atau teori bahasa dapat dihasilkan. Di samping itu, teori dan rumus bahasa yang dihasilkan oleh ahli bahasa sebelum ini dapat dipermantap dan diperkukuh (Tognini-Bonelli, 2001). Oleh itu, menerusi pendekatan ini, teori yang dibentuk sebelum kewujudan data korpus diteliti semula dengan menggunakan sejumlah data yang besar kuantitinya. Jika sebelum ini penelitian bahasa lebih merupakan refleksi ahli linguistik terhadap pengalaman bahasanya sendiri dan berasaskan data manual yang kecil kuantitinya, tetapi dalam pendekatan berasaskan data korpus berkomputer, huraian sesuatu bahasa merupakan hasil daripada data sebenar yang tinggi jumlahnya dan digunakan oleh penutur natif bahasa itu sendiri.


Hal ini secara tidak langsung menjadikan teori yang sedia ada sebagai titik permulaan sesuatu penelitian bahasa dan teori tersebut diperbetul dan disemak serta diperincikan berdasarkan bukti yang sedia terkumpul dalam data korpus berkomputer. Ciri penting dalam analisis data berasaskan komputer ini ialah penganalisan data dilakukan secara empirik, penggunaan sebahagian besar komputer dalam menganalisis data dan teknik analisis dapat dilakukan secara kuantitatif dan/atau kualitatif. Bentuk analisis seperti ini mampu menyediakan analisis yang andal dan secara khusus pendekatan ini membolehkan pola asosiasi yang lebih kompleks dan sistematik diteliti. Oleh itu, dengan menggunakan data korpus berkomputer, makalah ini membincangkan persoalan kata sifat yang menjadi penerang kata kerja perlu dianggap sebagai kata sifat (kata adjektif) atau sebagai kata adverba (kata keterangan).

## KONSEP KATA SIFAT DAN ADVERBA

Secara lazimnya, kata sifat<sup>2</sup> didefinisikan sebagai kata yang menerangkan sesuatu kata nama atau kata ganti nama (Curme, 1970 dan Fries, 1973). Definisi ini secara tidak langsung menjelaskan ciri utama kata sifat, iaitu sebagai golongan kata yang menerangkan kata nama. Dalam bahasa Melayu, peneliti bahasa yang awal seperti Mohd. Shah Yusuf (1922); Abdullah Talib (1928); Syed Muhammad Othman Yahya (1936), Muhammad Said Sulaiman (1937) sehinggalah Za'ba (1940) menggunakan definisi yang sama bagi kata sifat. Begitu juga ahli bahasa moden, turut berpendapat bahawa kata sifat ialah kata yang menerangkan nama, lihat Abdullah Hassan (2008) dan Asmah Haji Omar (2008). Nik Safiah Karim *et al.* (2008) walaupun mendefinisikan kata sifat sebagai unsur inti dalam binaan frasa adjektif, tetapi turut menyatakan bahawa dari segi kehadiran perkataan ini dalam ayat, kata sifat berfungsi sebagai kata yang menerangkan keadaan atau sifat bagi sesuatu kata nama atau frasa nama. Pendefinisian ahli bahasa ini memperlihatkan bahawa definisi yang diterapkan pada kata sifat berdasarkan fungsinya, iaitu sebagai penerang kata nama atau frasa nama. Definisi ini secara tidak langsung menjelaskan fungsi tipikal kata sifat bahasa Melayu sebagai penerang kata nama. Yang agak sedikit berbeza hanyalah Za'ba yang menganggap bahawa kata sifat bukan semata-mata berfungsi sebagai penerang kepada kata nama, tetapi turut menerangkan kata selain nama. Hal ini secara langsung telah menyebabkan beliau menggolongkan kata sifat kepada dua, iaitu sifat

nama bagi kata yang menerangkan kata nama dan sifat kata kepada kata sifat yang menerangkan golongan kata selain nama.


Contoh:



Kata sifat dalam 1a dan 2a menerangkan kata nama, (perlahan menerangkan suaranya dan lama menerangkan rumah), manakala 1b dan 2b pula menerangkan kata kerja (perlahan menerangkan bercakap dan lama menerangkan diam). Contoh di atas menunjukkan bahawa perkataan yang sama boleh menjadi sifat nama atau sifat kata bergantung pada kata yang diterangkannya. Hal ini menyebabkan Za'ba membahagikan kata sifat kepada dua subgolongan, iaitu sifat nama dan sifat kata. Za'ba masih mengekalkan label golongan bagi perkataan yang menjalankan fungsi penerang, iaitu label “sifat” (“sifat nama” dan “sifat kata”),

Walau bagaimanapun peneliti bahasa yang lain menggunakan istilah “kata adverba” atau “kata keterangan”. Mees (1969), Asmah Hj. Omar (1993, 2008), Abdullah Hassan (2008) dan Nik Safiah Karim *et al.* (2008) menggunakan istilah “adverba”, manakala Arbak Othman (1981) menggunakan istilah “keterangan”. Jika ditinjau dari segi definisi, ahli bahasa ini menjelaskan bahawa kata adverba ialah kata yang menerangkan kata kerja, kata adjektif dan frasa sendi nama (Nik Safiah Karim *et al.*, 2008). Dari segi kehadirannya dalam ayat pula, Asmah (1993, 2008) menyatakan bahawa kata ini hadir pada posisi adjung ayat. Dalam posisi ini, lazimnya kata adverba hadir pada kedudukan selepas predikat dan merupakan kata yang berstatus pilihan (*optional*) dan mempunyai keterikatan yang agak longgar dengan unsur sintaktik yang lain. Oleh itu, kata adverba ini lebih mudah diubah posisinya berbanding kata nama, kata kerja atau kata adjektif (Azmi Abdullah, 2007).

Contoh:




(Abdullah Hassan, 2008)


Berdasarkan contoh 3a dan 4a di atas, kata sifat *lesu* dan *laju* menerangkan kata nama *badannya* dan *bas*, manakala dalam contoh 3b dan 4b, perkataan yang sama telah berubah golongan katanya menjadi kata adverba apabila kata ini menerangkan kata kerja *mengalir* dan *berjalan*. Contoh ini dengan jelas menunjukkan bahawa istilah berbeza digunakan apabila kata inti yang diterangkan merupakan kata inti yang berbeza. Hal ini secara tidak langsung telah menyebabkan kelas kata yang dianggotai oleh perkataan *lesu* dan *laju* berubah golongan daripada golongan kata sifat kepada golongan kata adverba. Kata adverba ini tidak lagi menjadi golongan kata yang utama, tetapi merupakan golongan kata yang bukan utama, iaitu dimuatkan dalam subkategori kata tugas (Nik Safiah *et al.*, 2008, dan Abdullah Hassan, 2008).

## PENELITIAN DATA KORPUS BERKOMPUTER

Dalam makalah ini, penelitian terhadap data korpus berkomputer menggunakan teknik gatra dan unsur pengisi (*slot and filler*). Berdasarkan teknik ini, fungsi penerang diteliti dari dua aspek, iaitu yang pertama, unsur atau golongan kata yang boleh mengisi gatra penerang yang unsur intinya terdiri daripada kata nama dan kedua, unsur atau golongan kata yang boleh mengisi gatra inti yang unsur penerangnya terdiri daripada kata sifat. Tinjauan ini membahagikan dua aspek sahaja kerana yang ingin diteliti ialah kata sifat. Jika kedua-dua aspek ini dirajahkan, bentuk yang terhasil adalah seperti yang berikut:



**Rajah 1** Kata nama inti dan unsur penerang.



**Rajah 2** Kata nama inti dan kata sifat penerang.

Dalam meneliti hubungan antara kata inti dan unsur penerang, daripada Rajah 1 dan Rajah 2, gatra inti merupakan gatra yang posisinya mendahului gatra penerang.<sup>3</sup> Bagi aspek yang pertama, disebabkan unsur yang menjadi kata inti ialah kata nama, maka penelitian dilakukan terhadap frasa nama. Berdasarkan penelitian terhadap data korpus didapati bahawa, dalam binaan frasa nama, kata yang menjalankan fungsi penerang ini bukan sahaja terdiri daripada kata sifat tetapi turut diisi oleh kata nama dan kata kerja. Unsur yang menjadi penerang dalam frasa nama lazimnya merupakan unsur pilihan kerana unsur penerang ini boleh digugurkan atau dikekalkan dalam frasa nama tersebut. Yang berikut merupakan data yang diperoleh daripada data korpus yang diteliti:

## JURNAL BAHASA

Contoh :

Kata nama sebagai penerang.

- 5a. dapur kayu
- 5b. ceramah politik
- 5c. tanah pertanian
- 5d. amalan pemakanan

Contoh :

Kata kerja sebagai penerang.

- 6a. cara berjalan
- 6b. nada berjenaka
- 6c. kelas memasak
- 6d. barang berjenama

Contoh :

Kata sifat sebagai penerang.

- 7a. kisah lama
- 7b. layanan baik
- 7c. jawatan tinggi
- 7d. pertengkaran kecil

Berdasarkan contoh 5, 6 dan 7, kata nama, kata kerja dan kata sifat boleh menjadi penerang kata nama. Dalam data yang diteliti, bukan sahaja perkataan yang menjadi kata inti yang berbeza diterangkan oleh golongan kata yang berbeza, tetapi kata inti yang sama, juga boleh dijelaskan oleh golongan kata yang berbeza. Ini dijelaskan dalam Jadual 1.

Berdasarkan Jadual 1, kata yang menjadi penerang nama boleh terdiri daripada kata nama, kata sifat dan juga kata kerja.<sup>4</sup> Contoh daripada data korpus ini menunjukkan bahawa ketiga-tiga golongan kata yang utama boleh menjalankan fungsi penerang. Walaupun dalam fungsi penerang ini golongan kata yang menerangkan kata nama inti terdiri daripada pelbagai golongan tetapi dalam fungsi ini istilah bagi golongan kata tersebut tidak diubah, iaitu jika penerang terdiri daripada kata nama, maka golongan ini masih dikekalkan golongannya sebagai kata nama, begitu juga kata kerja dan kata sifat.

**Jadual 1** KN, KK dan KS sebagai penerang KN inti.

| <b>Kata Nama Inti</b> | <b>Kata Nama</b> | <b>Kata Kerja</b> | <b>Kata Sifat</b> |
|-----------------------|------------------|-------------------|-------------------|
| bangunan              | hospital         | bersejarah        | besar             |
| ruang                 | dapur            | membaca           | sempit            |
| berita                | akhbar           | menyedihkan       | baik              |
| kain                  | pelekat          | bercorak batik    | besar             |
| teman                 | wanita           | berseronok        | rapat             |
| gadis                 | bandar           | berkaraoke        | ayu               |

Bagi aspek kedua, iaitu unsur atau golongan kata yang mengisi gatra penerangnya terdiri daripada kata sifat, maka dalam makalah ini didapati terdapat dua kata inti yang diterangkan oleh kata sifat, iaitu kata nama dan kata kerja.

Contoh:

Kata nama sebagai kata inti

- 8a. jamuan kecil
- 8b. asuhan awal
- 8c. kawalan rapi
- 8d. peranan besar
- 8e. pemimpin lama


Contoh:

Kata kerja sebagai kata inti

- 9a. ketawa kecil
- 9b. bangun awal
- 9c. tersusun rapi
- 9d. terkejut besar
- 9e. bertahan lama

Contoh 8 dan 9 menjelaskan bahawa kata sifat boleh menjadi penerang kepada kata nama dan kata kerja. Contoh ini menjelaskan bahawa kata sifat yang sama boleh menerangkan kata inti yang berbeza, iaitu sama ada kata nama atau kata kerja. Kehadiran kata sifat sebagai unsur penerang

yang mengikuti kata nama dan kata kerja yang menjadi inti kepada frasa nama atau frasa kerja boleh dijelaskan menerusi rajah yang berikut :



**Rajah 3** Kata inti dan penerang.

Walaupun fungsi lazim bagi kata sifat sebagai penerang kata nama, tetapi data korpus menunjukkan bahawa kata sifat juga menjalankan fungsi lain, iaitu sebagai penerang kepada kata kerja inti.<sup>5</sup> Gatra penerang nama dianggap sebagai gatra asal (*home slot*) kata sifat kerana kata sifat menjalankan fungsi lazimnya apabila hadir dalam gatra ini, manakala kehadiran kata sifat dalam gatra penerang kata kerja dianggap sebagai sesaran sintaktik. Sesaran sintaktik (*syntactic drift*) merupakan istilah yang digunakan bagi kecenderungan sesuatu golongan kata untuk beralih daripada gatra asalnya kepada gatra sintaktik yang lain (Knowles dan Zuraidah Mohd. Don, 2008).

Menerusi data korpus berkomputer, tabii kata sifat dapat dijelaskan. Bahasa Melayu yang luwes sifatnya, maka sistem tatabahasanya membenarkan kata sifat hadir dalam julat gatra yang lebih luas, iaitu selain gatra asalnya kata sifat juga boleh mengisi gatra penerang kerja. Data korpus menunjukkan bahawa kata sifat yang mengisi gatra penerang kerja mempunyai bentuk yang sama apabila kata sifat menjalankan fungsi penerang nama. Kata sifat yang hadir merupakan kata tunggal dan lazimnya terdiri daripada kata dasar. Dalam data korpus yang diteliti, tidak terdapat kata sifat terbitan yang berfungsi sebagai penerang kerja.

Perubahan fungsi atau posisi ini tidak mengubah golongan atau label bagi kata sifat kerana unsur pengisi bagi kedua-dua gatra itu masih sama, iaitu kata sifat. Walaupun dalam bahasa Inggeris, unsur pengisi yang mengisi gatra penerang kerja digolongkan sebagai kata adverba, tetapi

dalam kajian ini golongan kata yang dimuatkan dalam gatra penerang kerja dianggap sebagai kata sifat dan bukan kata adverba berasaskan kepada empat sebab.

Pertama, dari sudut morfologi. Setiap golongan kata mempunyai imbuhan tipikal yang menandai sesuatu golongan. Jika dibandingkan bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris, kata adverba bahasa Inggeris, lazimnya ditandai oleh akhiran *-ly* bagi menandakan kata tersebut tergolong dalam golongan kata adverba. Contohnya, kata sifat *soft* akan berubah golongan katanya menjadi kata adverba *softly* apabila digandingkan dengan imbuhan akhiran *-ly*. Kedua-dua bentuk kata yang berbeza golongan ini menjalankan fungsi yang berbeza, maka istilah atau label yang berbeza diperlukan bagi menjelaskan fungsi dan golongan yang berbeza. Contoh, kata sifat *soft* yang hadir dalam frasa *soft texture* berfungsi sebagai penerang nama, tetapi apabila kata sifat ini digandingkan dengan imbuhan akhiran *-ly*, kata sifat ini telah berubah menjadi kata adverba dan di sini perkataan ini tidak lagi berfungsi sebagai penerang nama, tetapi berfungsi sebagai penerang kerja, contohnya seperti *laughed softly*. Contoh kata adverba lain yang terbentuk daripada kata sifat adalah seperti *loud* dan digandingkan dengan akhiran *-ly* menjadi *loudly* dan *generous* yang digandingkan dengan akhiran *-ly* menjadi *generously*. Kata terbitan dengan imbuhan *-ly* ini lazimnya mengisi gatra adverba, walaupun tidak semua kata adverba mempunyai akhiran *-ly*, tetapi dalam bahasa Inggeris bentuk *-ly* sering kali dikaitkan dengan kata adverba. Hal ini berbeza dengan bahasa Melayu kerana tidak ada imbuhan tertentu bagi menggolongkan kata sifat (contohnya: kecil, awal, rapi, besar dan lama) sebagai kata adverba apabila perkataan ini menerangkan kata kerja; walaupun setiap golongan kata dalam bahasa Melayu (kata nama, kata kerja atau kata sifat) mempunyai imbuhan yang tersendiri bagi mencirikan golongannya. Oleh itu, dari sudut morfologi, dalam bahasa Melayu tidak jelas aspek pengimbuhan bagi menggolongkan kata yang berfungsi sebagai penerang kerja sebagai kata adverba.

Kedua, kata adverba *softly*, *loudly* dan *generously* ini tidak boleh dimuatkan ke dalam gatra yang diisi oleh kata sifat, misalnya menjadi unsur pengisi bagi gatra penerang nama seperti *\*softly texture*, *\*loudly sneeze* dan *\*generously actor*. Oleh sebab kata adverba hadir dalam gatra yang tersendiri, iaitu gatra adverba, contohnya seperti frasa *groaning softly*, *laughed loudly* dan *generously funded*, maka kata yang menerangkan kata kerja digolongkan sebagai kata adverba dan sebaliknya kata yang menerangkan nama digolongkan sebagai kata sifat. Walau bagaimanapun, aspek ini berbeza dengan bahasa Melayu, iaitu perkataan yang mengisi

gatra selepas gatra kerja ini tetap dianggap sebagai kata sifat dan bukan kata adverba kerana perkataan yang sama turut mengisi gatra yang diisi oleh kata sifat. Oleh itu, anggapan bahawa perkataan ini mempunyai golongan kata yang lain dianggap kurang tepat. Berdasarkan contoh (9a-9e) di atas, perkataan kecil, awal, rapi, besar dan lama yang mengisi gatra penerang kerja, daripada data yang diteliti didapati perkataan ini turut mengisi gatra penerang nama yang merupakan gatra tipikal bagi kata sifat (8a-8e).

Contoh 8a-8e ini menunjukkan bahawa golongan kata yang hadir sebagai unsur pengisi bagi gatra penerang nama dan penerang kerja ini adalah sama, iaitu kata sifat. Pelabelan lain kepada kata yang hadir dalam fungsi penerang kerja ini adalah tidak relevan kerana label tersebut tidak memberikan sebarang maklumat tambahan yang signifikan. Perkataan yang dirujuk ini masih merupakan kata sifat dan yang berbeza hanyalah fungsinya, iaitu satu daripada fungsinya sebagai penerang nama (fungsi tipikal) dan satu lagi berfungsi sebagai penerang kerja (sesaran sintaktik). Dalam kajian golongan kata, sesuatu golongan boleh menjalankan fungsi yang berbeza dan fungsi yang sama boleh dijalankan oleh golongan kata yang berbeza. Hal yang sama berlaku terhadap kata sifat bahasa Melayu, golongan kata ini bukan sahaja berfungsi sebagai penerang kepada kata nama, tetapi boleh juga berfungsi sebagai penerang kerja.

Ketiga, apabila menjelaskan gatra penerang kerja, perlu dijelaskan menerusi unsur pengisi terlebih dahulu berbanding gatranya, iaitu kata adverba sebagai unsur pengisi bagi gatra penerang kerja dalam bahasa Inggeris dan dalam bahasa Melayu, kata sifat kerja mengisi gatra ini. Hal ini disebabkan sesuatu gatra boleh diisi oleh golongan kata yang berbeza. Jika penjelasan gatra penerang kerja dimulakan dari sudut gatra berbanding golongan kata yang menjadi unsur pengisinya (iaitu penjelasan yang berasaskan bahasa Inggeris), maka bagi gatra penerang kerja, unsur pengisinya ialah kata adverba dan aspek ini secara tidak langsung telah menjelaskan bahawa dalam bahasa lain termasuk bahasa Melayu, gatra penerang kerja hanya diisi oleh kata adverba dan bukan golongan kata yang lain. Sebenarnya, gatra dan unsur pengisi merupakan dua aspek yang berbeza. Penerang kata kerja merupakan nama atau label bagi gatra, manakala kata sifat kerja dan kata adverba merupakan nama atau label golongan kata yang menjadi unsur pengisi gatra penerang kerja. Timbul kekeliruan dalam menentukan golongan kata yang menjadi unsur pengisi apabila gatra dianggap sama dengan unsur pengisi, iaitu penerang kerja ialah kata adverba dan kata adverba ialah penerang kerja.

Keempat, golongan kata juga tidak boleh diterjemahkan daripada satu bahasa kepada bahasa lain. Dalam bahasa Melayu, frasa berjalan cepat boleh diterjemahkan kepada bahasa Inggeris sebagai *walk quickly* dan terjemahan ini berdasarkan makna yang didukungnya. Apabila diterjemahkan, maka perkataan *cepat* yang tergolong dalam kata sifat adalah sepadan dengan *quickly* yang tergolong dalam kata adverb. Jika terjemahan dijadikan asas penentuan golongan kata, maka timbul anggapan bahawa bahasa Melayu adalah sepadan dengan bahasa Inggeris, iaitu cepat yang merupakan penerang kepada kata kerja tergolong dalam kata adverb. Walau bagaimanapun, aspek terjemahan ini tidak boleh dijadikan penentu golongan kata sesuatu bahasa kerana setiap bahasa mempunyai sistemnya yang tersendiri. Bahkan, golongan kata merupakan asas tatabahasa kerana frasa, klausa dan ayat dibentuk oleh susunan golongan kata. Aspek ini menyebabkan makalah ini menganggap bahawa dalam fungsi penerang, sama ada penerang kepada kata nama atau kata kerja, jika unsur pengisinya terdiri daripada perkataan, seperti kecil, awal, rapi, besar, atau lama, maka gatra penerang terdiri daripada golongan kata sifat dan bukan kata adverb.

Dalam fungsi penerang ini, posisi kata sifat lazimnya selepas kata kerja inti, iaitu posisi yang sama apabila kata sifat menjadi penerang kata nama. Walau bagaimanapun berdasarkan data korpus, didapati bahawa kata sifat juga boleh mendahului kata kerja yang diterangkannya.

Contoh:

- 10a. bekerja kuat
- 10b. kuat bekerja
  
- 11a. bertindak cepat
- 11b. cepat bertindak

Daripada contoh 10b dan 11b di atas, kata sifat yang menjadi penerang hadir sebelum kata kerja inti. Disebabkan penerang bertujuan untuk memperincikan lagi kata inti yang diterangkannya, maka kata sifat yang berfungsi sebagai penerang ini juga boleh mendahului kata kerja. Perbezaan dalam posisi kata sifat ini hanyalah sebagai penekanan atau fokus dalam waktu komunikasi berlaku. Perkara ini boleh dijelaskan menerusi ayat di bawah:

Contoh:

- 12a. “Kak Leha *workaholic*, bukan sahaja bekerja kuat, tetapi seronok membuat kerja, sampai ke pagi”.
- 12b. “Kak Leha *workaholic*, bukan sahaja kuat bekerja, tetapi seronok membuat kerja, sampai ke pagi”.
  
- (13a) Zaleha bertindak cepat dengan menubuhkan MAPEMS bagi kawasan parlimen Gombak.
- (13b) Zaleha cepat bertindak dengan menubuhkan MAPEMS bagi kawasan parlimen Gombak.

Kedua-dua posisi, iaitu kehadiran kata sifat sebelum atau selepas kata kerja inti tidak mengganggu kegramatisan ayat tersebut, tetapi hanya membezakan fokus yang ingin ditekankan dalam sesebuah komunikasi. Walau bagaimanapun, tidak semua kata sifat yang berfungsi sebagai penerang kerja inti ini boleh mendahului kata kerja.

Contohnya:

- 14a. Apabila berbual, beliau akan menyulam cerita-ceritanya dengan hal-hal lucu berkenaan dirinya sendiri dan turut ketawa kecil.
- 14b. \*Apabila berbual, beliau akan menyulam cerita-ceritanya dengan hal-hal lucu berkenaan dirinya sendiri dan turut kecil ketawa.
  
- 15a. Kedua-dua anak muda ini terkejut besar dan tidak percaya bahawa orang yang dinista selama kini sanggup menerima mereka semula.
- 15b. \*Kedua-dua anak muda ini besar terkejut dan tidak percaya bahawa orang yang dinista selama kini sanggup menerima mereka semula.

Ayat 14b dan 15b menjadi tidak gramatis apabila penerang kerja ini mendahului kata kerja inti. Hal ini dengan jelas menunjukkan bahawa dalam fungsi penerang posisi kata sifat lazimnya selepas kata kerja inti, tetapi dalam keadaan penekanan atau fokus ingin diberikan kepada penerang, maka kata sifat yang berfungsi sebagai penerang boleh mendahului kata kerja inti. Walau bagaimanapun dalam data korpus ini, terdapat satu contoh kata sifat, iaitu perkataan *cepat* yang menjadi penerang kepada kata kerja hanya mengisi gatra sebelum kata kerja inti dan kehadiran selepas kata kerja inti memperlihatkan bentuk yang tidak gramatis.

Contoh:

- 16a. Beliau cepat menangis apabila tinggi sahaja suara bapanya.
- 16b. Mereka cepat belajar bahawa ibu tidak dapat berada di samping mereka, untuk membimbing mereka sepanjang masa.

Dalam contoh ini, kata sifat *cepat* perlu mendahului kata kerja *menangis* dan *belajar*. Hal ini menunjukkan bahawa bagi kata sifat dalam subgolongan kecepatan, kata ini lazimnya mendahului kata inti yang diterangkannya.

## KESIMPULAN

Penggunaan data korpus berkomputer dalam penelitian aspek tatabahasa amat penting kerana data korpus berkomputer dapat membantu penyelidik bahasa meneliti perlakuan sebenar sesuatu bahasa. Tambahan pula, menerusi saiz data yang besar, data yang mampu diisi mengikut urutan abjad dan data yang boleh menjelaskan kekerapan kehadiran sesuatu kata telah membolehkan perlakuan kata dapat diuji berulang kali serta dapat memaparkan bentuk tipikal sesuatu kata. Berdasarkan data korpus berkomputer, dapat ditunjukkan bahawa kata sifat ini bukan sahaja menjalankan fungsi sebagai penerang nama, tetapi kata sifat juga menjalankan fungsi penerang kepada kata kerja. Walaupun kebanyakan buku tatabahasa menganggap apabila kata sifat hadir selepas kata kerja, maka kata sifat tersebut akan berubah golongan katanya, tetapi makalah ini menjelaskan bahawa golongan kata sifat tersebut masih kekal. Yang

berubah hanyalah fungsinya, iaitu kata sifat mengubah fungsinya daripada fungsi tipikal menjadi fungsi periferi, iaitu sebagai penerang kerja dan di sini kata sifat telah mengalami sesaran sintaktik.

## NOTA

- <sup>1</sup> Makalah ini telah dibentangkan di Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu VII (SLAPBMVII) pada 9-10 November 2011 di Universiti Putra Malaysia dan telah dilakukan penambahbaikan.
- <sup>2</sup> Makalah ini menggunakan istilah “kata sifat” dan tidak menggunakan “kata adjektif” disebabkan makalah ini menganggap bahawa kata sifat boleh menjalankan fungsi sebagai penerang nama dan kerja, berbanding kata adjektif yang hanya boleh berfungsi sebagai penerang nama sahaja.
- <sup>3</sup> Walau bagaimanapun, dalam keadaan penekanan atau fokus semasa berlakunya sesuatu komunikasi memberikan penekanan kepada unsur penerang, maka unsur penerang ini boleh mendahului unsur inti.
- <sup>4</sup> Dalam makalah ini, selain kata sifat, kata nama dan kata kerja, frasa sendi nama juga boleh menjadi penerang nama. Misalnya daripada data korpus yang diteliti, terdapat contoh *bangunan di Bangsar, ruang di perpustakaan, berita dari Selatan Filipina, kain untuk bekerja, teman di pejabat, gadis di bawah umur dan sejarah pada zaman lampau*. Bagaimanapun, dalam makalah ini, frasa sendi nama tidak dibincangkan kerana makalah ini memfokuskan golongan kata yang utama sahaja, iaitu kata nama, kerja dan sifat.
- <sup>5</sup> Dalam kajian yang dilakukan, selain berfungsi sebagai penerang kepada kata nama, kata sifat juga boleh berfungsi sebagai penerang kata kerja, predikat dan penerang predikat.

## RUJUKAN

- Abdullah Hassan *et al.*, 2008. *Tatabahasa Pedagogi untuk Sekolah Menengah*. Kuala Lumpur: PTS Profesional.
- Abdullah Talib, 1928. *Kitab Punca Bahasa*. Rujukan diambil daripada edisi baharu (1995). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Arbak Othman, 1981. *Tatabahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise.
- Asmah Haji Omar, 1993. *Nahu Melayu Mutakhir*. Edisi keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 2008. *Nahu Kemas Kini*. Kuala Lumpur: PTS Professional.
- Azmi Abdullah, 2007. *Adverbial: Satu Tinjauan Dari Sudut Wacana*. Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pusaka.
- Curme, G., 1935. *A Grammar of English Language*. Volume 1. Parts of Speech. Rujukan diambil daripada edisi baharu (1978). Essex: Verbatim.
- Fries, C.C., 1973. *The Structure of English: An Introduction to the Constuction of English Sentences*. London: Longman.

- Knowles, G., dan Zuraidah Mohd Don, 2005. *Adverbs in Malay: Addressing the Problem*. Kertas kerja di Dewan Bahasa dan Pustaka. 3 Feb. 2005.
- Knowles, G., dan Zuraidah Mohd. Don, 2008. *Natural Data in Linguistic Description*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mees, C.A., 1969. *Tatabahasa dan Tatakalimat*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Mohd. Shah Yusof, 1922. *Senjuh Suratan*. Rujukan diambil daripada edisi baharu (1995). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Said Sulaiman, 1937. *Jalan Basa Melayu*. Rujukan diambil daripada edisi baharu (1993). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim *et al.*, 2008. *Tatabahasa Dewan*. Edisi ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norliza Jamaluddin, 2011. *Kata Sifat Bahasa Melayu Berdasarkan Data Korpus Berkomputer*. Tesis PhD. Universiti Malaya.
- Syed Muhammad Othman Yahya, 1936. *Kitab Penanggam Bahasa*. Rujukan diambil daripada edisi baharu (1995). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tognini-Bonelli, E., 2001. *Corpus Linguistics at Work*. Amsterdam: John Benjamins Publishing Co.
- Za'ba, 1940. *Pelita bahasa Melayu Penggal 1*. Rujukan diambil daripada edisi baharu (1958). Kuala Lumpur: Standard Engravers & Art Printers.